

Cenfed UMP sedia latih kakitangan mahir

Oleh Ainal Marhaton Abd Ghani
bnews@bharian.com.my

KUANTAN: Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerusi Pusat Pengajian Berterusan dan Pembangunan Profesional (Cenfed) sedia bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi melatih kakitangan melalui konsep pembelajaran sepanjang hayat.

Naib Canselornya, Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata UMP memiliki kepakaran dan kemudahan pembelajaran serba lengkap dan berupaya

melahirkan kakitangan cekap dan berkemahiran tinggi.

“Cenfed bukan saja pakar dalam latihan, malah juga cemerlang dalam bidang pendidikan, penyelidikan, pembangunan modal insan, sosial dan ekonomi menjurus kepada pembangunan negeri ini.

“Selain itu, kita sedia membangunkan modul bersesuaian dengan kehendak jabatan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian penutup dan penampian sijil kepada 28 peser-

ta Kursus Pengenalan Teknik Pemanduan, Penyelenggaraan dan Servis 4X4 oleh Setiausaha Kerajaan Pahang, Datuk Safian Ismail, di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor UMP (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr Sabarudin Mohd dan Pengarah Cenfed, Mohamad Rozi Hassan.

Kursus tiga hari bermula 13 Julai lalu mendedahkan peserta kepada teknik pemanduan, penyelenggaraan dan servis kenderaan pacuan empat roda di laluan berpasir

dan sungai di Hutan Lipur Jerenggang, Maran.

Kakitangan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pahang, Razak Hamzah, memenangi anugerah ‘Jungle Man’ berdasarkan komitmen dan kerjasama berpasukan.

Ramli Daud dan Asri Zainal Abidin dari Pejabat Daerah dan Tanah Bentong pula johan pertandingan pemanduan tanpa penglihatan, manakala pasukan Krew CAP 971 JPS Pahang, menang pertandingan kecekapan dan kepantasan.

SUMBER :
TARIKH :
MUKA SURAT :

Berita Harian
18-01-2008
42